

# Kajian papar keindahan silat

RAMAI daripada kita tahu akan keindahan seni mempertahankan diri Melayu ataupun silat yang sering dilihat di majlis perkahwinan atau acara-acara rasmi.

Tapi tahukah anda terdapat hampir 50 kumpulan silat yang ada di Singapura?

Utuh misi pakar sejarah dari jabatan pengajian Asia Tenggara di Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Mohamed Effendy Abdul Hamid.

Dalam kajiannya kali ini yang disokong Lembaga Warisan Negara (NHB), beliau ingin mencatat sejarah, budaya dan evolusi kumpulan silat di Singapura.

Silat merupakan salah satu aspek inventori Warisan Budaya Tidak Bermaterial Singapura.

Pada 2017, beliau merakam sejarah seni Silat Gayong Pasak, kini beliau ingin melakukan perkara yang sama terhadap kesemua kumpulan.

Sejauh ini, beliau telah mengkaji beberapa perkara menarik tentang silat.

Antaranya, keturunan anak Sultan Singapura, Sultan Ali, Encik Faisal Nordin, yang juga pembantu penyelidikan.

“Faisal kini berada di Sulawesi untuk mencari bukti dan merakam perguran yang berada di Sulawesi,” kata Dr Effendy.

Dr Effendy menemuramah penggiat silat dan bertanya apakah sejarah perguran mereka, mengapa pengasas mereka datang ke Singapura untuk mengajar, dan bagaimana mereka terangkan intipati seni silat mereka sendiri?

“Terdapat 3 jenis kumpulan yang wujud di Singapura. Pertama, yang berkembang daripada asal. Kedua, yang masih mengekalkan keasliannya. Dan yang terakhir, paling menarik sekali, yang cuba membentuk seni unik berdasarkan pemerhatian gaya yang lain,” kata beliau.

Dr Effendy juga berkongsi bahawa terdapat tiga gelombang yang menyebabkan silat berkembang di Singapura.

“Gelombang pertama merupakan silat yang telah wujud di Singapura. Lebih banyak bukti catatan British dari awal kurun ke-19, Sulewatang Bugis sudah lama wujud di Singapura dan Johor Lama.

“Yang kedua, silat yang tiba sele-

pas Singapura ditubuhkan sebagai pusat dagangan selepas 1819, yang dibawa pendatang di rantau ini.

Dan yang terakhir sekali, silat yang tiba di Singapura apabila Singapura sedang benar-benar berkembang pada tahun 1950-an dan 1960-an,” jelas Dr Effendy.

Jika pada masa lalu, salah satu tugas mereka yang kaya dengan ilmu silat adalah sebagai seorang pendekar untuk menjadi pelindung kepada kerabat Diraja.

Namun, apakah tujuan mereka sekarang kerana Singapura sudah tiada raja?

“Pendekar masih lagi penting kerana ia merangkumi sifat dan ciri bangsa dan budaya Melayu. Kini makna pendekar sudah berubah. Seorang pendekar harus mencontohi nilai-nilai yang terbaik, membimbing anak muda, dan yang penting sekali silat dan solat,” jawab Dr Effendy.

Apabila ditanya apakah yang beliau harap daripada kajian ini, Dr Effendy berkata beliau berharap ia dapat menjadi wadah untuk anak muda meneroka semula warisan mereka.

“Mungkin apabila mereka dapat tahu bahawa wujudnya silat Bugis, Jawa atau Boyan, mereka lebih teringin untuk pelajari silat tersebut kerana mereka sendiri mempunyai darah bangsa itu,” kata Dr Effendy.

Selain mencatat sejarah perguran silat, beliau memberi fokus kepada busana, adat istiadat persilatan.

“Bab ini Faisal buat kajian kerana beliau lebih tahu tentang budaya silat daripada saya. Saya memberi lebih perhatian kepada sejarah silat,” ujarnya.

Semenjak diperkenalkan pada 2015, NHB, menerusi Geran Kajian Warisannya, telah menyokong sebanyak 30 projek kajian daripada sembilan institusi tinggi dan wadah pemikir.

“Kami menyokong projek kajian ini kerana ia memberi perhatian kepada kedua-dua seni tradisional dan juga pengamal silat, kami harap dapat merangkumi penemuan kajian dan entri ‘silat’ kami ke dalam inventori ICH,” kata Encik Alvin Tan, Timbalan Ketua Eksekutif NHB (Dasar & Masyarakat).

Dr Effendy menjangka kajian beliau akan lengkap pada Oktober 2020 di mana satu laman web akan dibuka agar orang ramai boleh pelajari tentang sejarah Orang-orang Diraja dan juga Pendekar.

## Guru sama, namun pergerakan berbeza

SAMA tapi lain.

Dua penggiat seni silat ini mempelajari ilmu daripada guru yang sama, iaitu arwah ayah mereka, kalau kita lihat pergerakan mereka, nampak sama.

Tapi, jika diperhatikan lagi... lain pula.

Mestilah.

Mereka masing-masing melakukan pergerakan yang sama, namun satu bersifat artistik sementara yang satu lagi bersifat agresif.

Itulah perbezaan Bandangan Asli daripada Seligi Tunggal.

“Bandangan Asli adalah pecahan dari Seligi Tunggal. Pergerakannya semua sama, cuma Seligi Tunggal lebih agresif,” kata Guru Muda Seligi Tunggal Singapura, Encik Mohamad Hindra Mohamad Arsek, 40 tahun.

Encik Hindra mula belajar silat Bugis-Boyan ini semenjak tahun 1992 apabila beliau masih belasan tahun lagi.

Manakala abangnya, Guru dan Presiden Bandangan Asli, Encik Mohamad Irwan Mohamad Arsek, 49 tahun, belajar silat pada awal 70-an.

“Bandangan Asli lebih artistik. Dan untuk belajar seni ini, asasnya, iaitu Seligi Tunggal harus kukuh dan sempurna,” kata Encik Irwan, anak kedua empat adik beradik.

Dahulunya, seni silat ini diajar oleh pengasasnya Daeng Omar dan pelajarannya, Iffi Suhoor di Kampung Fehmih yang kini tapak bangunan hotel Shangri-La di Orchard.

Walaupun telah berpindah dari kampung ke HDB, orang Melayu tetap mengekalkan seni silat dan ini menunjukkan bagaimana orang Melayu kita pandai berubah mengikut peradaran zaman.

“Walaupun keadaan sosial berubah, orang Melayu berjaya mempertahankannya, malah mengembangkannya lagi seni silat. Mereka menggunakan sistem balai rakyat dan kolong blok untuk mengadakan latihan.

Ini menunjukkan bahawa orang Melayu bijak sesuaikan diri mengikut arus pemodenan,” jelas Dr Effendy.

Di Singapura saja, terdapat lebih 10 pecahan Seligi Tunggal. Ini membuatkan mereka antara perguran yang terbesar di Singapura.

“Apa yang unik tentang Seligi Tunggal adalah permainan pedang yang diperbuat daripada rotan. Dan pergerakannya kelihatan seperti seni Tai Chi,” jelas Encik Irwan.

Encik Irwan dan Encik Hindra adalah generasi ketiga yang meneruskan seni pertahanan diri ini.

Kini, anak Encik Hindra, Nur Alesya Riana, yang hanya berumur lapan tahun, juga sudah mula berjajin-jinak dengan seni ini.

*Ramai yang tahu akan ilmu silat, malah ramai juga yang mempelajarinya. Tapi, tahukah anda bahawa terdapat hampir 50 kumpulan silat yang wujud di Singapura? Ikuti laporan MUHAMMAD EDRIE RIZWAN (edrieam@sph.com.sg) yang menjejaki sejarah silat Singapura bersama Dr Mohamed Effendy Abdul Hamid dan empat lagi pakar silat yang mengamalkan silat dari kaum etnik yang berbeza.*



**SINGKAP SEJARAH SILAT:** Dr Mohamed Effendy Abdul Hamid berharap dengan kajiannya tentang sejarah dan budaya silat, ia dapat menarik minat anak muda untuk pelajari lebih mendalam tentang seni silat. – Foto-foto BH oleh KHALID BABA